

**TEKS UCAPAN**  
**PUAN MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
**YANG DIPERTUA MPSP**

**DI CERAMAH HAK-HAK WANITA DI DALAM PERKAHWINAN UNTUK AHLI-AHLI  
PUSPANITA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI PADA 6 JULAI 2011 DI  
AUDITORIUM, MPSP, BANDAR PERDA**

Terima kasih pengacara Majlis.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berbahagia Puan Hjh. Noraziah bt Hj Abdul Aziz Naib Pengurus 1 PUSPANITA MPSP

Yang Berbahagia Puan Norliza bt Abdullah Naib Pengurus 2 PUSPANITA MPSP

Yang Berusaha Puan Husszelinda bt Hussain selaku ketua Biro Pendidikan dan Agama PUSPANITA MPSP

Penceramah yang dialu-alukan Cik Yuslinov bt Ahmad dan

Ahli-ahli PUSPANITA yang dihormati sekalian,

1. Pertama sekali, bersyukur kepada tuhan kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk sama-sama menghadiri Ceramah Hak-Hak Wanita Di Dalam Perkahwinan pada hari ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada Biro Pendidikan dan Agama selaku Urusetia Ceramah Hak-Hak Wanita Di Dalam Perkahwinan yang telah berusaha menjayakan program pada pagi ini.
3. Saya juga memanjatkan rasa kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya hadir di majlis yang besar ertinya ini dan seterusnya merasmikan Ceramah Hak-Hak Wanita Di Dalam Perkahwinan pada hari ini.
4. Syukur Alhamdulillah, Program selama setengah hari ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli-ahli PUSPANITA. Penyertaan yang diterima adalah seramai 153 orang.

5. Hak dari sudut bahasa ialah benar, kebenaran, kuasa atau sesuatu atau untuk berbuat sesuatu dan ianya ditentukan oleh undang-undang, agama, adat istiadat dan lain-lain. (Kamus Dewan tahun 2002 - 428)
6. Prinsip menghormati dan mengangkat martabat hak wanita telah dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan, perkara 8 yang menjelaskan “ semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perundangan yang sama rata di sisi undang-undang”. Jelas sekali perundangan Malaysia mengiktiraf semua golongan di Malaysia layak mendapat perlindungan yang sama rata tanpa dibezakan agama, bangsa dan jantina.
7. Oleh yang demikian wanita di Malaysia bertuah dan seharusnya berbangga kerana mendapat hak dan layanan yang sama rata seperti lelaki. Malah Kerajaan juga telah menetapkan bahawa menjelang tahun 2020, 30 peratus daripada pembuat dasar kerajaan akan melibatkan golongan wanita. Kementerian khusus untuk menjaga kebijakan dan hak wanita juga telah ditubuhkan.
8. Di zaman yang kian mencabar ini wanita perlu diberikan informasi dan pendedahan yang lebih meluas supaya mereka mengetahui akan hak-hak mereka di dalam perkahwinan seperti hak-hak bersuara, bekerja, harta sepencarian dan sebagainya.
9. Saya berharap ahli-ahli PUSPANITA sekalian akan mendapat pendedahan dan informasi yang secukupnya di dalam ceramah ini yang akan disampaikan oleh penceramah kita yang cukup berpengalaman dari segi perundangan.
10. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim sukacitanya saya merasmikan ceramah Hak-Hak Wanita Di Dalam Perkahwinan.

Sekian, terima kasih.